

# **FORUM KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN ANGGOTA ATM**

---



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4880-forum-khidmat-nasihat-persaraan-anggota-atm-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4880-forum-khidmat-nasihat-persaraan-anggota-atm-2)

BUTTERWORTH, 24 Apr 19 - MTU BSM Seksyen Latihan Peralihan dengan kerjasama Pangkalan Udara Butterworth telah menganjurkan Forum Khidmat Nasihat Persaraan Anggota ATM pada 23 dan 24 Apr 19 bertempat di Dewan Setia, PU Butterworth.

Forum yang dianjurkan secara tahunan ini bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada bakal pesara ATM khususnya perkhidmatan TUDM mengenai prosedur pengurusan pemberhentian agar proses menamatkan perkhidmatan angota dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Forum yang dianjurkan ini dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak JRP, UGAT, JHEV, LTAT, PERHEBAT, Koperasi Tentera dan Bank Muamalat Malaysia.

PS 2 Latihan Peralihan, Mej Fadzeel bin Munir TUDM serta staf telah membuat lawatan ke pusat latihan anggota TUDM menjalani latihan peralihan untuk memantau dan mendapatkan maklumbalas mengenai kursus yang dijalankan.